

'Budaya kafe' hidupkan semula industri kedai kopi

Budaya 'kafe kopi' yang meningkat di negara ini telah menghidupkan semula industri kedai kopi dengan kadar pertumbuhan *output* tahunan 4.1 peratus pada 2022, demikian berdasarkan penemuan Banci Ekonomi 2023.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan dalam penggunaan kopi telah memupuk 'budaya kafe kopi', menunjukkan peningkatan pemain pasaran kepada rekod 5,021 dengan nilai ditambah meningkat 5.5 peratus mencecah RM1.9 bilion.

Beliau berkata, nilai output bagi industri itu adalah RM4.2 bilion dengan purata pertumbuhan tahunan 4.1 peratus.

"Kuala Lumpur adalah penyumbang nilai output tertinggi

dalam industri *coffee shop* ini dengan nilai RM1.6 bilion, diikuti Selangor sebanyak RM1 bilion.

"Namun, jika dilihat dari segi bilangan, Selangor masih merekodkan jumlah tertinggi sebanyak 1,311," katanya pada Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi (Be) 2023 oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, di Putrajaya, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, penemuan Banci Ekonomi 2023 itu memperlihatkan pilihan pengguna memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata, industri seperti penanaman durian, pemungutan sarang burung dan penternakan lebah serta pengeluaran hasil madu dan lilin lebah

telah mencapai tahap baharu, didorong peningkatan permintaan global ke atas produk pertanian tempatan.

Katanya, industri inap desa juga menjadi penginapan alternatif yang semakin popular dengan pertumbuhan 79.3 peratus dalam tempoh tujuh tahun.

Peralihan ekonomi dinamik

Mohd Uzir berkata, Banci Ekonomi 2023 juga mendedahkan beberapa penemuan penting yang menunjukkan peralihan ekonomi yang dinamik dalam tempoh tujuh tahun sejajar dengan prestasi perdagangan barangan Malaysia menunjukkan pertumbuhan eksport kukuh dalam tempoh itu dengan kadar pertumbuhan tahunan 10.4 peratus kepada RM1.55

trilion pada 2022, berbanding RM777.5 bilion pada 2015.

Beliau berkata, penemuan itu menunjukkan perniagaan menyesuaikan dengan trend global dan kemajuan teknologi, mencerminkan perubahan ketara dalam penggunaan, perdagangan dan corak perbelanjaan.

"Dalam aktiviti berkaitan dengan teknologi dan pendigitalan, perkhidmatan telekomunikasi tanpa wayar meningkat 12.5 peratus berbanding 2015 dan aktiviti pembinaan bangunan bukan kediaman yang berkaitan dengan pusat data meningkat 35.4 peratus, dirangsang pembinaan pusat data dalam sektor pembinaan.

"Dalam trend yang sama pentingnya, industri pembuatan bateri dan akumulator dalam sektor

pembuatan menyaksikan peningkatan pertumbuhan, menyelusuri gelombang trend global," katanya.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, data Banci Ekonomi 2023 turut menunjukkan industri tertentu yang mengalami kelembapan berterusan.

Beliau berkata, antaranya ialah pembaikan dan penyelenggaraan VCD/DVD/VCD dalam sektor perkhidmatan yang menurun 15.8 peratus; industri pembuatan jahitan pakaian tempatan, aktiviti penyediaan tapak perlombongan, sektor pembinaan, penanaman pokok getah (ladang kecil) dalam sektor pertanian (serta aktiviti pengkuarian, penghancuran dan penghancuran granit dalam sektor perlombongan dan pengkuarian.